

KUALA TRENGGANU, 1 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEKANKAN PENTINGNYA KERJASAMA DIANTARA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT BAGI MEMASTIKAN KELICINAN USAHA PEMBANGUNAN DI SESEBAH NEGERI.

KATANYA, RAKYAT TIDAK SUKA MELIHAT PERSELISIHAN FAHAM DIANTARA KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT KERANA INI MENJEJASKAN PEMBANGUNAN DI NEGERI ITU.

BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN WISMA PERSEKUTUAN DISNI PETANG INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HASIL DARI KERJASAMA SEPERTI ITU BANYAK PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN TELAH DISALURKAN KE NEGERI TRENGGANU.

BELIAU BERKATA RAKYAT TELAH DAPAT MENIKMATI BERBAGAI KEMUDAHAN SEKARANG KERANA KERAJAAN TELAH DAPAT MENTADBIRKAN NEGARA INI DENGAN CARA BERKESAN.

KATANYA, NEGARA INI MAJU KERANA RAKYATNYA INGIN MAJU DAN INGIN KEPADA KESTABILAN DAN KERAJAAN YANG BERTANGGONGJAWAB SEBAGAIMANA YANG WUJUD HARI INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SAMA ADA KERAJAAN YANG BERKESAN ITU DAPAT DIKEKALKAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG BERGANTUNG KEPADA RAKYAT SENDIRI. — BERSAMBUNG 2003/1B ;
MAHATHIR 2 KUALA TRENGGANU

+JIKA MEREKA PANDAI MEMILIH, MEREKA AKAN TERUS MENDAPAT NIKMATNYA TETAPI JIKA MEREKA DIPENGARUHI OLEH DAKYAH-DAKYAH YANG TIDAK BERTANGGONGJAWAB, AKIBAHNYA JALAH KEMUNDURAN, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBAYANGKAN BAHAWA PERUSAHAAN YANG BERASASKAN MINYAK AKAN DISELENGGARAKAN DI NEGERI TRENGGANU KERANA BERHAMPIRAN DENGAN SUMBAR BAHAN ITU.

KATANYA, KERAJAAN AKAN CUBA MENGGUNAKAN SUMBER MINYAK ITU DENGAN CARA YANG CUKUP BERKESAN.

BELIAU BERKATA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERCORAK PERSEKUTUAN, KEUNTUNGAN BAGI SESUATU BAHAGIAN AKAN DIRASAI JUGA OLEH BAHAGIAN YANG LAIN.

KATANYA DENGAN PENUMUAN MINYAK ITU TRENGGANU MUNGKIN TIDAK MEMERLUKAN BANTUAN KEWANGAN DARI KERAJAAN PUSAT SEBAGAIMANA DAHULU TETAPI MEMERLUKAN PEKERJAAN KEPADA ANAK-ANAK NEGERI ITU.

TRENGGANU PULA AKAN MENYUMBANGKAN TENAGANYA KEPADA LAIN-LAIN NEGERI YANG KURANG BERNAGIS BAIK.

UMPAMANYA, GAS DARI PERAIRAN TRENGGANU YANG SEKARANG DIBUANG BEGITU SAHAJA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENGLUARKAN KUASA ELETRIK BAGI DISALURKAN KE NEGERI-NEGERI YANG MEMERLUKAN KUASA ITU. —
BERSAMBUNG 2010/1B

MAHATHIR 3 KUALA TRENGGANU

TERHADULUDARI ITU, KETIKA MERASMIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA KUALA TRENGGANU, DATUKSERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN ORANGRAMAI TENTANG GOLONGAN YANG CUBA MENYEKAT USAHA-USAHA PEMBANGUNAN PELAJARAN YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN.

KATANYA, GOLONGAN ITU MENDAKWA KONONNYA PELAJARAN YANG DIBERIKAN TIDAK BERGUNA DAN TIDAK DITUNTUT OLEH AGAMA.

BELIAU BERKATA JIKA RAKYAT MEMBIARKAN DIRI MEREKA DIPENGARUHI MEREKA AKAN MENJADI SATU MASYARAKAT MUNDUR YANG AKAN TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA ORANG-ORANG LAIN YANG LEBIH MAJU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENJALANKAN USAHANYA UNTUK MENAMBAHKAN BILANGAN DOKTOR BUMIPUTERA SUPAYA SEKURANG-KURANGNYA SEIMBANG DENGAN PENDUDUK BUMIPUTERA DI NEGARA INI.

MENURUTNYA, PADA MASA INI DARI SEJUMLAH 2,500 ORANG DOKTOR TERDAPAT 170 ORANG SAHAJA DARI KALANGAN BUMIPUTERA.

OLEH ITU KERAJAAN PERLU MEMBERI LATIHAN KEPADA LEBIH RAMAI BUMIPUTERA DIBIDANG KEDOKTORAN TERMASUK PELAJAR-PELAJAR WANITA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ADA SETENGAH GOLONGAN YANG MENGHASUT PELAJAR-PELAJAR ITU EHINGGA BEBERAPA ORANG PENUNTUT WANITA SENGAJA MEMBUAT TIDAKLULUS KERANA TIDAK YAKIN KEPADA PELAJARAN DIBIDANG ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA INILAH AKIBAT PERBUATAN GOLONGAN YANG CUBA MENGHANCURKAN USAHA KERAJAAN MENCAPAI KEMAJUAN DENGAN MEMBANGKITKAN MASALAH DALAM MASYARAKAT.

DATUKSERI DR. MAHATHIR MENGGESA RAKYAT SUPAYA MENKAJI KEMAJUAN DAN NIKMAT YANG TELAH MEREKA CAPAI HARI INI BERBANDING DENGAN KEADAAN DIZAMAN PENJAJAHAN DAHULU SUPAYA MEREKA SEDAR NIKMAT ITU. — BERNAMA 2020/1B